



**TAN SRI DATO' (DR.) ABU BAKAR SULEIMAN**  
MBBS (Hon.), FRACP, M. Med. (S'pore), AM, FACP (Hon.),  
FRCPI, FRCSE (Hon.), FRCSE (Hon.), FAMS, FRCP (Glas.),  
FRCPE, AMP (Harvard).

**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
(DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)

Bil.(9)dlmRKPBV/80/101/IP/kl(9)

Tarikh : 2 hb. Ogos 2000

Semua Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan

Semua Pengarah Bahagian

Semua Setiausaha Bahagian

Semua Pengarah Institusi

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**Bil. 3 Tahun 2000**

**KEMPEN ANTI-NYAMUK DAN KEBERSIHAN NASIONAL  
DAN PROGRAM BEBAS DENGGI DI KEMUDAHAN  
KESIHATAN DI SELURUH NEGARA.**

**1. TUJUAN:**

1.1. Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk meneruskan dan mempertingkatkan kempen anti-nyamuk dan kebersihan nasional yang sedang dilaksanakan sekarang.

1.2. Mempertingkatkan program bebas denggi di kemudahan kesihatan yang berterusan.

## **2. LATAR BELAKANG.**

- 2.1. Kempen Anti-Nyamuk dan Kebersihan Nasional telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Hj. Abdullah bin Hj Ahmad Badawi pada 20hb. April 1999 kerana penyakit bawaan nyamuk telah menjadi satu masalah kesihatan kepada masyarakat dibandar dan juga di luar bandar. Fokus kempen adalah untuk memusnahkan tempat pembiakan nyamuk.
- 2.2. Kesan dari kempen ini telah menunjukkan penurunan kes demam denggi sebanyak 62.9% pada tahun 1999 berbanding dengan 1998 dan juga sebanyak 49.7% pada tahun ini berbanding dengan masa yang sama tahun 1999.
- 2.3. Penglibatan masyarakat dalam aktiviti gotong royong juga telah meningkat dan ini telah meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap bahayanya penyakit bawaan nyamuk seperti demam denggi.
- 2.4. Program Bebas Denggi Di Kemudahan Kesihatan telah diwujudkan pada tahun 1992 bagi memastikan semua kemudahan kesihatan dibawah Kementerian Kesihatan dan kawasan sekitar pada jarak 200 meter sekeliling bebas dari pembiakan nyamuk Aedes dan transmisi demam denggi.

## **3. TINDAKAN.**

### **3.1. Kempen Anti-Nyamuk dan Kebersihan Nasional.**

- 3.1.1. Meneruskan dan mempertingkatkan aktiviti kempen seperti didalam Buku Panduan Kempen Anti-Nyamuk dan Kebersihan Nasional yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Kempen Anti-Nyamuk dan Kebersihan Nasional pada bulan Mei 1999.
- 3.1.2. Melaporkan semua aktiviti didalam format yang telah disediakan kepada urusetia kempen iaitu Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan, Jabatan Kesihatan Awam , Kementerian Kesihatan Malaysia, Kuala Lumpur setiap bulan.

### 3.2. Program Bebas Denggi Di Kemudahan Kesihatan

3.2.1. Mempertingkatkan aktiviti untuk memusnahkan tempat pembiakan nyamuk mengikut Buku Panduan Program Bebas Denggi Di Kemudahan Kesihatan Mei 1992 (Cetakan 1997 dan 2000) yang dikeluarkan oleh Cawangan Penyakit Bawaan Vektor, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kuala Lumpur.

3.2.2. Pastikan Carta Aliran Sistem Laporan di dalam Buku Panduan dipatuhi supaya sistem melaporkan aktiviti dapat berjalan dengan lancar.

#### 4. PENUTUP

Dato'/Tuan/Puan adalah diarahkan untuk memantau dan memastikan Kempen Anti-Nyamuk dan Kebersihan Nasional dan Program Bebas Denggi di Kemudahan Kesihatan berjalan dengan lancar di peringkat Dato'/Tuan/Puan dan pastikan matlamat tercapai.

Sekian.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



(Tan Sri Dato' (Dr) Abu Bakar bin Dato', Suleiman)  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Malaysia

s.k.

Ketua Setiausaha Negara  
Malaysia

Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia.